

**AMASSURANCE BERHAD (15743 - P)**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Diaudit**  
**31 Mac 2006**

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Laporan Para Pengarah	1 - 16
Penyata Para Pengarah	17
Akuan Berkanun	17
Laporan Juruaudit	18
Lembaran Imbangan	19 -20
Penyata Perubahan Ekuiti	21
Penyata Pendapatan	22
Akaun Hasil Insurans Am	23
Lembaran Imbangan Dana Insurans Hayat	24
Akaun Hasil Dana Insurans Hayat	25
Penyata Aliran Tunai	26 - 28
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	29 - 85

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Syarikat ialah pengunderaitan insurans hayat dan berkaitan pelaburan, dan kesemua kelas perniagaan insurans am.

Kegiatan utama syarikat subsidiari dinyatakan di Nota 4 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan ini sepanjang tahun kewangan.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

**RM'000**

Keuntungan bersih bagi tahun semasa

38,793

Tiada berlaku sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luarbiasa.

**DIVIDEN**

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

**RM'000**

Dividen akhir ditolak cukai sebanyak 10%, berjumlah RM7,200,000  
berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2005 diisytihar  
pada 27 Jun 2005 dan dibayar pada 28 Jun 2005

7,200

## **DIVIDEN (BERSAMBUNG)**

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, satu dividen akhir berhubung tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2006 pada kadar 10% ditolak cukai bagi 100,000,000 saham biasa berjumlah RM7,200,000 (7.2 sen sesaham) akan dicadangkan untuk kelulusan pemegang-pemegang saham. Penyata kewangan untuk tahun semasa tidak mengambilkira dividen dicadangkan ini. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pembahagian keuntungan terkumpul pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 yang akan datang.

## **PARA PENGARAH**

Nama para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi)

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Encik Mohamed Azmi Mahmood

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Encik Mustafa Mohd Nor

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Encik Leung Hoong Kuan

(Pengarah bebas, bukan eksekutif)

Dato' James Lim Cheng Poh (dilantik pada 30 Jun 2005)

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Dato' Zainal Azmi Zainal Ariffin (dilantik pada 28 Julai 2005)

(Pengarah bebas, bukan eksekutif)

Encik Cheah Tek Kuang (dilantik pada 3 Januari 2006)

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik pada 23 Februari 2006)

(Pengarah bebas, bukan eksekutif)

Dato' Azlan Hashim (meletak jawatan pada 28 Mac 2006)

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Encik Kok Tuck Cheong (meletak jawatan pada 3 Januari 2006)

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

Encik Sim How Chuah (meletak jawatan pada 30 Jun 2005)

(Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif)

## **URUS TADBIR KORPORAT**

Syarikat secara umumnya telah mematuhi kesemua keperluan preskriptif, dan menerap tatacara pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Garis Panduan JPI/GPI 25 Bank Negara Malaysia ("BNM") : Rangkakerja Berhemat Urus Tadbir Korporat untuk Penginsurans-Penginsurans.

## **URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)**

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Para pengarah secara langsung menanggung tanggungjawab minimum dalam hubungan hal ehwal penginsurans yang memberi bantuan efektif kepada Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab pengawasan.

### **Aktiviti-aktiviti Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) orang pengarah dengan pelbagai kemahiran dan pengalaman. Terdapat keseimbangan dalam Lembaga Pengarah di mana ianya terdiri daripada lima (5) orang pengarah bukan bebas, bukan eksekutif dan tiga (3) orang pengarah bebas, bukan eksekutif yang berkaliber, mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan dan berpengalaman luas dalam bidang korporat untuk memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincang dan diselidik, serta mengambilkira kepentingan jangka panjang para pihak-pihak berkepentingan. Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak sebelas (11) kali.

Kesemua Pengarah meneliti laporan Lembaga Pengarah sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Laporan dikeluarkan dalam masa yang cukup untuk para pengarah mendapatkan penerangan lanjut, jika perlu, untuk maklumat secukupnya sebelum mesyuarat.

Di samping itu, Lembaga Pengarah hanya membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang memerlukan keputusan mereka, termasuk kelulusan rancangan korporat dan bajet, pembelian dan pelupusan aset-aset penting Syarikat, pelaburan besar, perubahan dalam pengurusan dan struktur kawalan Syarikat, termasuk polisi-polisi penting, prosedur dan had kuasa.

Lembaga Pengarah juga menggunakan polisi induksi dan program pembelajaran untuk para Pengarah. Program ini bertujuan untuk memberi maklumat penting dan menyeluruh kepada Pengarah baru bagi membiasakan beliau dengan keperluan peraturan industri insurans yang berkaitan dan dasar perniagaan syarikat. Pengarah-pengarah juga boleh mendapatkan nasihat dari pakar profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat. Setiausaha Syarikat, dari mana para pengarah mendapatkan maklumat secara bebas, membantu Lembaga Pengarah mentafsir undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

**URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)****Keahlian dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2006**

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Bilangan Mesyuarat Yang Dihadiri (Kehadiran/Bilangan Mesyuarat)</u>
Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi)	11/11
Encik Mohamed Azmi Mahmood	11/11
Encik Mustafa Mohd Nor	10/11
Encik Leung Hoong Kuan	11/11
Dato' James Lim Cheng Poh (dilantik pada 30 Jun 2005)	8/8
Dato' Zainal Azmi Zainal Ariffin (dilantik pada 28 Julai 2005)	8/8
Encik Cheah Tek Kuang (dilantik pada 3 Januari 2006)	2/3
Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik pada 23 Februari 2006)	2/2
Dato' Azlan Hashim (meletak jawatan pada 28 Mac 2006)	9/11
Encik Kok Tuck Cheong (meletak jawatan pada 3 Januari 2006)	8/9
Encik Sim How Chuah (meletak jawatan pada 30 Jun 2005)	3/3

**Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah mengamanahkan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan bertujuan membantu Lembaga Pengarah dalam bidang-bidang pertimbangan yang tertentu adalah:

- 1) Jawatankuasa Pencalonan ("JPC")
- 2) Jawatankuasa Imbuhan ("JI")
- 3) Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("JPR")
- 4) Jawatankuasa Audit dan Penilaian ("JAP")
- 5) Jawatankuasa Pelaburan ("JP")

**Jawatankuasa Pencalonan**

Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga (3) orang pangarah bebas, bukan eksekutif dan tiga (3) orang pangarah bukan bebas, bukan eksekutif yang mempunyai pelbagai kemahiran, pengalaman dan kepakaran bagi keberkesanan jawatankuasa.

Fungsi-fungsi jawatankuasa ini adalah:

- (a) mencadangkan dan menilai calon-calon bagi perlantikan pengarah-pengarah baru, keahlian bagi pelbagai Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan calon-calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif ("KPE") serta menilai pengarah-pengarah dan KPE yang dicadangkan untuk perlantikan semula sebelum permohonan bagi kelulusan diserahkan kepada BNM.
- (b) menetapkan keperluan minimum bagi Lembaga Pengarah dan KPE untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab mereka dengan berkesan dan meneliti kesesuaian keseluruhan komposisi Lembaga Pengarah dalam bentuk saiz, struktur, kepelbagaian kemahiran dan pengalaman serta lain-lain kualiti dan kemahiran di samping memastikan keseimbangan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas.

**URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)****Jawatankuasa Pencalonan (bersambung)**

- (c) menetapkan satu mekanisme penilaian rasmi untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, penglibatan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi KPE.
- (d) menilai komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan dan memastikan cadangan-cadangan dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan.

**Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2006**

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Bilangan Mesyuarat yang dihadiri (Kehadiran/Bilangan Mesyuarat)</u>
Encik Leung Hoong Kuan (Pengerusi)	4/4
Encik Mohamed Azmi Mahmood	4/4
Encik Mustafa Mohd Nor	3/4
Dato' Zainal Azmi Zainal Ariffin (dilantik pada 28 Julai 2005)	4/4
Encik Cheah Tek Kuang (dilantik sebagai ahli JPc pada 28 Mac 2006)	0/0
Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik sebagai ahli JPc pada 28 Mac 2006)	0/0
Encik Kok Tuck Cheong (meletak jawatan pada 3 Januari 2006)	2/3
Encik Sim How Chuah (meletak jawatan pada 30 Jun 2005)	0/0

**Jawatankuasa Imbuhan**

Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga (3) orang pengarah bebas, bukan eksekutif dan tiga (3) orang pengarah bukan bebas, bukan eksekutif.

Fungsi-fungsi jawatankuasa ini adalah:

- (a) mengenalpasti dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau polisi imbuhan untuk para pengarah, KPE, pengurusan kanan dan kakitangan-kakitangan lain. Polisi-polisi imbuhan adalah:
- i) diiktiraf dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah penuh dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada kebenaran oleh Lembaga Pengarah penuh;
  - ii) mencerminkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang ditanggung oleh setiap pengarah, KPE dan pengurusan kanan;
  - iii) cukup untuk menarik dan mengekalkan para pengarah, KPE dan pengurusan kanan terhadap kredibiliti yang diperlukan untuk mengurus Syarikat dengan berjaya; dan
  - iv) seimbang dengan keperluan untuk memastikan dana Syarikat tidak digunakan untuk memberi subsidi ke atas pakej imbuhan yang berlebihan.

**URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)****Jawatankuasa Imbuan (bersambung)**

- (b) mencadangkan pakej-pakej imbuan tertentu kepada para pengarah, KPE dan pengurusan kanan. Pakej-pakej imbuan tersebut adalah:
- i) berdasarkan pertimbangan telus dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah penuh;
  - ii) mengambilkira penilaian Jawatankuasa Pencalonan terhadap keberkesanan dan sumbangan para pengarah dan KPE;
  - iii) tidak diputuskan oleh individu tertentu atau terbatas oleh kumpulan individu tertentu; dan
  - iv) berdaya saing dan bersesuaian dengan budaya, objektif dan strategi-strategi Syarikat.
- (c) memastikan pakej-pakej imbuan bagi para pengarah setimpal dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang dipegang dan penglibatan mereka terhadap keberkesanan fungsi Lembaga Pengarah.

**Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa Imbuan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2006**

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Bilangan Mesyuarat yang dihadiri (Kehadiran/Bilangan Mesyuarat)</u>
Encik Leung Hoong Kuan (Pengerusi)	2/2
Encik Mohamed Azmi Mahmood	2/2
Dato' Zainal Azmi Zainal Ariffin (dilantik pada 28 Julai 2005)	1/1
Dato' James Lim Cheng Poh (dilantik sebagai ahli JI pada 28 Mac 2006)	0/0
Encik Cheah Tek Kuang (dilantik sebagai ahli JI pada 28 Mac 2006)	0/0
Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik sebagai ahli JI pada 28 Mac 2006)	0/0
Encik Kok Tuck Cheong (meletak jawatan pada 3 Januari 2006)	1/2

**Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga (3) orang pengarah bebas, bukan eksekutif dan dua (2) orang pengarah bukan bebas, bukan eksekutif. Objektif utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah memantau aktiviti-aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus risiko-risiko penting bagi penginsurans dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi dengan efektif.

Fungsi-fungsi Jawatankuasa ini adalah:

- (a) meneliti dan mencadangkan strategi-strategi Pengurusan Risiko, polisi-polisi dan risiko toleransi untuk kelulusan Lembaga Pengarah.



**URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)****Jawatankuasa Pengurusan Risiko (bersambung)**

- (b) meneliti dan menilai polisi-polisi dan rangka kerja Pengurusan Risiko yang mencukupi untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko-risiko serta sejauh mana ia beroperasi dengan efektif.
- (c) memastikan infrastruktur, sumber-sumber dan sistem yang sedia ada mencukupi untuk Pengurusan Risiko yang efektif iaitu memastikan kakitangan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem Pengurusan Risiko menjalankan tugas-tugas tersebut yang bebas daripada aktiviti-aktiviti pengambilan risiko oleh penginsurans.
- (d) meneliti laporan berkala pihak pengurusan terhadap pendedahan risiko, komposisi risiko portfolio dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

**Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2006**

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Bilangan Mesyuarat yang dihadiri (Kehadiran/Bilangan Mesyuarat)</u>
Encik Leung Hoong Kuan (Pengerusi)	4/4
Encik Mohamed Azmi Mahmood	2/4
Dato' James Lim Cheng Poh (dilantik pada 30 Jun 2005)	2/2
Dato' Zainal Azmi Zainal Ariffin (dilantik pada 28 Julai 2005)	2/2
Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik sebagai ahli JPR pada 28 Mac 2006)	0/0
Encik Mustafa Mohd Nor (meletak jawatan sebagai ahli JPR pada 28 Mac 2006)	3/4
Dato' Azlan Hashim (meletak jawatan pada 28 Mac 2006)	3/4
Encik Sim How Chuah (meletak jawatan pada 30 Jun 2005)	2/2

**Jawatankuasa Audit dan Penilaian**

Lembaga Pengarah telah melantik Jawatankuasa Audit dan Penilaian ("JAP") untuk membantu dalam melaksanakan tugas-tugas yang akan memastikan sistem kawalan dalaman yang menyeluruh untuk mengawal aset-aset Syarikat dan pelaburan pemegang-pemegang saham. Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga (3) orang pengarah bebas, bukan eksekutif dan dua (2) orang pengarah bukan bebas, bukan eksekutif.

Objektif utama JAP ini ialah memberi bantuan, meneliti dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah berkenaan tentang:

- i) pematuhan undang-undang dan tanggungjawab-tanggungjawab yang diamanahkan; dan
- ii) pemantauan amalan-amalan perakaunan dan laporan kewangan Syarikat.

**URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)****Jawatankuasa Audit dan Penilaian (bersambung)**

JAP juga memastikan Syarikat mempunyai polisi, prosedur-prosedur dan garis panduan serta kawalan operasi dan kawalan dalaman yang mencukupi, sama ada mereka dipatuhi dan beroperasi dengan efektif dalam meningkatkan kecekapan dan perlakuan yang betul serta menjaga aset-aset Syarikat.

**Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Penilaian  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2006**

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Bilangan Mesyuarat yang dihadiri (Kehadiran/Bilangan Mesyuarat)</u>
Encik Leung Hoong Kuan (Pengerusi)	6/6
Dato' James Lim Cheng Poh (dilantik pada 30 Jun 2005)	3/4
Dato' Zainal Azmi Zainal Ariffin (dilantik pada 28 Julai 2005)	3/3
Encik Mohamed Azmi Mahmood (meletak jawatan sebagai ahli JAP pada 29 September 2005 dan dilantik semula pada 28 Mac 2006)	2/3
Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik sebagai ahli JAP pada 28 Mac 2006)	0/0
Dato' Azlan Hashim (meletak jawatan sebagai ahli JAP pada 29 September 2005)	3/3
Encik Mustafa Mohd Nor (meletak jawatan sebagai ahli JAP pada 29 September 2005)	2/3
Encik Sim How Chuah (meletak jawatan pada 30 Jun 2005)	2/2

**Jawatankuasa Pelaburan**

Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang (1) pengarah bebas, bukan eksekutif dan tiga (3) orang pengarah bukan bebas, bukan eksekutif. Objektif utama Jawatankuasa Pelaburan adalah memantau aktiviti-aktiviti Pengurusan Pelaburan dalam menguruskan dana pelaburan penginsurans dan memastikan pengurusan risiko dan proses pematuhan adalah efektif dan berkesan.

Fungsi-fungsi JP adalah:

- (a) meneliti prestasi portfolio pelaburan oleh jabatan pelaburan dalaman dan pengurus dana luar.
- (b) meneliti dan mencadangkan strategi-strategi pelaburan di dalam tahap risiko yang dibenarkan untuk kelulusan jawatankuasa.
- (c) membentangkan kedudukan dan strategi-strategi pelaburan berkenaan pelbagai kelas dana di bawah pengurusan.
- (d) meneliti pendedahan risiko portfolio dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

**URUS TADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)****Jawatankuasa Pelaburan (bersambung)****Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Penilaian  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2006**

<u>Ahli-ahli</u>	<u>Bilangan Mesyuarat yang dihadiri (Kehadiran/Bilangan Mesyuarat)</u>
Encik Mohamed Azmi Mahmood (Pengerusi)	10/11
Encik Mustafa Mohd Nor	10/11
Dato' James Lim Cheng Poh (dilantik sebagai ahli JP pada 28 Mac 2006)	0/0
Datuk Lakshmanan Meyyappan (dilantik sebagai ahli JP pada 28 Mac 2006)	0/0
Dato' Azlan Hashim (meletak jawatan pada 28 Mac 2006)	8/11

**MANFAAT PARA PENGARAH**

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Syarikat menjadi pihak yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam ganjaran diterima atau akan diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di penyata kewangan berkanun dan penyata kewangan berkanun Syarikat berkaitan atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa syarikat berkaitan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH**

Berdasarkan daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)****KEPENTINGAN LANGSUNG**

<b>Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu</b>				
	<b>Baki pada 1.4.2005/Tarikh pelantikan</b>	<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>Baki pada 31.3.2006</b>
<b>AMMB Holdings Berhad (syarikat induk muktamad)</b>				
Tan Sri Dato' Azman Hashim	675,490	-	(675,490)	-
Encik Mohamed Azmi Mahmood	200,024	-	(30,000)	170,024
Encik Mustafa Mohd Nor	80,000	-	(80,000)	-
Encik Cheah Tek Kuang	23,800	-	-	23,800

<b>Bilangan Waran 2003/2008</b>				
	<b>Baki pada 1.4.2005/Tarikh pelantikan</b>	<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>Baki pada 31.3.2006</b>
<b>AMMB Holdings Berhad (syarikat induk muktamad)</b>				
Encik Mohamed Azmi Mahmood	16,083	-	-	16,083
Encik Cheah Tek Kuang	46,189	-	-	46,189

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)****KEPENTINGAN LANGSUNG (BERSAMBUNG)**

<b>Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu</b>					
	<b>Baki pada</b>		<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>Baki pada</b>
	<b>1.4.2005/Tarikh</b>	<b>pelantikan</b>			
<b>AmInvestment Group Berhad</b>					
<b>(syarikat berkaitan lain)</b>					
Tan Sri Dato' Azman Hashim	-	118,954,848	(24,400,000)		94,554,848
Encik Mustafa Mohd Nor	-	522,900	(22,900)		500,000
Encik Mohamed Azmi					
Mahmood	-	150,000	-		150,000
Encik Cheah Tek Kuang	-	2,620,100	(1,500,000)		1,120,100
Dato' James Lim Cheng Poh	30,000	-	-		30,000
Encik Leung Hoong Kuan	30,000	-	(30,000)		-

<b>Bilangan Hak-hak boleh lepas RM1.00 setiap satu</b>					
	<b>Baki pada</b>		<b>Dilaksanakan</b>	<b>Luput</b>	<b>Baki pada</b>
	<b>1.4.2005/Tarikh</b>	<b>pelantikan</b>			
<b>AmInvestment Group Berhad</b>					
<b>(syarikat berkaitan lain)</b>					
Tan Sri Dato' Azman Hashim	118,954,848	(118,954,848)		-	-
Encik Mohamed Azmi					
Mahmood	96,461	(96,461)		-	-
Encik Mustafa Mohd Nor	522,923	(522,900)		(23)	-
Encik Cheah Tek Kuang	2,620,075	(2,620,075)		-	-

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)****KEPENTINGAN ANGGAPAN****AMMB Holdings Berhad  
(syarikat induk muktamad)**

		<b>Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu</b>			
<b>Nama Syarikat</b>		<b>Baki pada 1.4.2005</b>	<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>Baki pada 31.3.2006</b>
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmCorp Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad)	658,252,421	13,000,000	-	671,252,421
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	439,047	-	-	439,047
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	913,905	-	(913,905)	-
	Regal Genius Sdn Bhd	29,490,000	-	-	29,490,000

**AMMB Holdings Berhad  
(syarikat induk muktamad)**

		<b>Bilangan Waran 2003/2008</b>			
<b>Nama Syarikat</b>		<b>Baki pada 1.4.2005</b>	<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>Baki pada 31.3.2006</b>
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmCorp Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad)	5,954,097	-	-	5,954,097
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	22,682	-	-	22,682
	Regal Genius Sdn Bhd	2,989,936	-	-	2,989,936
	Corporateview Sdn Bhd	31,658,738	-	-	31,658,738

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)****KEPENTINGAN ANGGAPAN (BERSAMBUNG)****AmInvestment Group Berhad  
(syarikat berkaitan lain)**

		<b>Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu</b>			
		<b>Baki pada</b>			<b>Baki pada</b>
<b>Nama Syarikat</b>		<b>1.4.2005</b>	<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>31.3.2006</b>
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmCorp Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad)	-	150,896,688	-	150,896,688
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	-	100,646	-	100,646
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	-	209,502	-	209,502
	Regal Genius Sdn Bhd	-	6,760,238	-	6,760,238
	AMMB Holdings Bhd	-	1,109,442,000	(436,242,000)	673,200,000

**AmInvestment Group Berhad  
(syarikat berkaitan lain)**

		<b>Bilangan Hak-hak boleh lepas RM1.00 setiap satu</b>			
		<b>Baki pada</b>			<b>Baki pada</b>
<b>Nama Syarikat</b>		<b>1.4.2005</b>	<b>Dilaksanakan</b>	<b>Luput</b>	<b>31.3.2006</b>
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmCorp Group Berhad (dahulunya dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad)	150,896,688	(150,896,688)	-	-
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	100,646	(100,646)	-	-
	Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	209,502	(209,502)	-	-
	Regal Genius Sdn Bhd	6,760,238	(6,760,238)	-	-
	AMMB Holdings Bhd	1,109,442,000	(1,109,442,000)	-	-

## **KEPENTINGAN PARA PENGARAH (BERSAMBUNG)**

### **KEPENTINGAN ANGGAPAN (BERSAMBUNG)**

Oleh kerana pegangan-pegangan yang dinyatakan di atas, kesemua pengarah-pengarah tersebut juga dianggap mempunyai kepentingan terhadap saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan, setakat kepentingan yang dipunyai oleh syarikat induk muktamad.

Tiada pengarah-pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

### **PERUNTUKAN TUNTUTAN BELUM DIBAYAR**

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat dibuat, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan secukupnya telah dibuat bagi tuntutan yang kena dibayar, termasuk tuntutan yang Telah Berlaku tetapi Belum Dilaporkan ("IBNR").

### **MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

- (a) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk:
- (i) memastikan bahawa tindakan sepatutnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu, dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
  - (ii) memastikan bahawa aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat direalisasikan mengikut nilai di dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:
- (i) amaun yang dihapuskirakan sebagai hutang lapuk atau amaun peruntukan bagi hutang ragu tidak mencukupi dengan ketara; dan
  - (ii) nilai berkaitan aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.



**MAKLUMAT BERKANUN LAIN (BERSAMBUNG)**

- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang mengakibatkan kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Para pengarah berpendapat bahawa:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Syarikat untuk melaksanakan tanggungjawab apabila tiba masanya kelak; dan
  - (ii) tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa telah timbul sepanjang tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang mungkin menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Untuk tujuan perenggan (e) dan (f) di atas, liabiliti luar jangka atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada pengunderaitan perjanjian insurans dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

15743 - P

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan khidmatnya.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah,

Tan Sri Dato' Azman Hashim

Leung Hoong Kuan

Kuala Lumpur, Malaysia  
30 Mei 2006

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PARA PENGARAH**  
**MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Tan Sri Dato' Azman Hashim dan Dato' Azlan Hashim, selaku dua orang daripada para pengarah AmAssurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata-penyata kewangan yang disertakan yang dibentangkan dari muka surat 19 hingga 85 telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan MASB yang berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 agar memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Mac 2006 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah,

Tan Sri Dato' Azman Hashim

Leung Hoong Kuan

Kuala Lumpur, Malaysia  
30 Mei 2006

**AKUAN BERKANUN**  
**MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Ng Lian Lu, selaku pengarah yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan AmAssurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan yang dibentangkan dari muka surat 19 hingga 85 adalah pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya  
oleh Ng Lian Lu yang tersebut di atas di  
Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan  
pada 30 Mei 2006.

Ng Lian Lu

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

15743 - P

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI  
AmAssurance Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 19 hingga 85. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat bebas kami mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada sesiapa yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan yang berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi kepastian munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang matan. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan MASB yang berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Mac 2006 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki menurut Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta.

Ernst & Young  
AF: 0039  
Akauntan Berkanun

Pushpanathan a/l S.A. Kanagarayar  
No. 1056/03/07 (J/PH)  
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia

**AmAssurance Berhad**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 MAC 2006**

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>ASET</b>			
<b>Aset perniagaan am dan dana pemegang saham</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	24,499	15,991
Syarikat subsidiari	4	6,000	6,000
Pelaburan	5	543,227	482,418
Pinjaman	6	763	1,128
Penghutang	7	38,860	44,056
Tunai dan baki di bank		4,830	6,822
<b>Jumlah aset perniagaan am dan dana pemegang saham</b>		618,179	556,415
<b>Jumlah aset perniagaan insurans hayat (muka surat 24)</b>		1,164,751	941,375
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>1,782,930</u>	<u>1,497,790</u>
<b>LIABILITI</b>			
<b>Liabiliti perniagaan am dan dana pemegang saham</b>			
Peruntukan bagi tuntutan belum dibayar	8	227,904	205,413
Pemiutang	9	53,085	45,499
Peruntukan cukai		1,192	-
Hutang kepada syarikat subsidiari	4	7,565	7,565
Pinjaman berjangka subordinat	10	30,000	30,000
Liabiliti cukai tertunda	11	1,526	842
<b>Jumlah liabiliti perniagaan am dan dana pemegang saham</b>		321,272	289,319
<b>Jumlah liabiliti perniagaan insurans hayat (muka surat 24)</b>		97,355	75,192
		<u>418,627</u>	<u>364,511</u>

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)**

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>RIZAB INSURANS</b>			
Rizab premium tidak terperoleh	12	181,987	173,212
Dana pemegang polisi insurans hayat	13	999,432	811,098
Dana pemegang unit pelaburan berkaitan	25	9,851	7,529
<b>Jumlah rizab insurans</b>		<u>1,191,270</u>	<u>991,839</u>
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	14	100,000	100,000
Keuntungan tertahan		73,033	41,440
Jumlah ekuiti pemegang saham		<u>173,033</u>	<u>141,440</u>
<b>Jumlah liabiliti, rizab insurans dan ekuiti pemegang saham</b>		<u>1,782,930</u>	<u>1,497,790</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006**

	Nota	Modal saham RM'000	Boleh diagihkan Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 April 2004		100,000	25,963	125,963
Keuntungan bersih bagi tahun		-	22,677	22,677
Dividen dibayar:				
- akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 March 2004		-	(3,600)	(3,600)
- interim bagi tahun kewangan berakhir 31 March 2005	15	-	(3,600)	(3,600)
Pada 31 Mac 2005		100,000	41,440	141,440
Keuntungan bersih bagi tahun		-	38,793	38,793
Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 March 2005	15	-	(7,200)	(7,200)
Pada 31 Mac 2006		100,000	73,033	173,033

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006**

	<b>Nota</b>	<b>2006</b> <b>RM'000</b>	<b>2005</b> <b>RM'000</b>
Hasil operasi	16	864,475	767,481
Pindahan dari akaun hasil insurans			
Perniagaan Am		55,451	30,108
Dana Insurans Hayat		-	2,000
		55,451	32,108
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	17	309	267
Perbelanjaan bersih kendalian lain	18	(187)	(47)
Perbelanjaan pengurusan	19	(2)	-
		120	220
Keuntungan sebelum cukai		55,571	32,328
Cukai	20	(16,778)	(9,651)
Keuntungan bersih bagi tahun		38,793	22,677
Pendapatan sesaham biasa (sen)	21	39	23

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



**AmAssurance Berhad**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**AKAUN HASIL INSURANS AM**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006**

	Note	Kebakaran		Motor		Marin & Udara		Lain-lain		Jumlah	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Hasil operasi	16									464,112	410,712
Premium kasar		35,765	29,452	347,847	308,380	2,976	4,676	51,631	47,850	438,219	390,358
Insurans semula		(17,540)	(16,546)	(19,248)	(19,361)	(566)	(3,298)	(22,162)	(24,910)	(59,516)	(64,115)
Premium bersih		18,225	12,906	328,599	289,019	2,410	1,378	29,469	22,940	378,703	326,243
(Peningkatan)/pengurangan dalam rizab premium tidak terperoleh	12	(3,180)	(848)	(3,459)	(38,384)	(188)	283	(1,948)	(396)	(8,775)	(39,345)
Premium diperolehi		15,045	12,058	325,140	250,635	2,222	1,661	27,521	22,544	369,928	286,898
Tuntutan bersih kena dibayar	22	(3,942)	(4,785)	(214,967)	(177,517)	(984)	255	(13,331)	(11,180)	(233,224)	(193,227)
Komisen bersih		(1,509)	(578)	(33,041)	(27,939)	(403)	(107)	(6,284)	(4,849)	(41,237)	(33,473)
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		9,594	6,695	77,132	45,179	835	1,809	7,906	6,515	95,467	60,198
Perbelanjaan pengurusan	19									(63,189)	(50,769)
Lebihan pengunderaitan										32,278	9,429
Pendapatan pelaburan	17									25,893	20,354
(Perbelanjaan)/pendapatan operasi lain bersih	18									(2,713)	338
Keuntungan dari operasi										55,458	30,121
Kos kewangan	23									(7)	(13)
Pindah kepada penyata pendapatan										55,451	30,108

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

**AmAssurance Berhad**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN DANA INSURANS HAYAT**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006**

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>ASET</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	5,485	4,388
Pelaburan	5	1,022,936	826,953
Pinjaman	6	77,964	68,946
Penghutang	7	39,222	24,195
Tunai dan baki di bank		9,212	9,291
Aset perniagaan insurans berkaitan pelaburan	25	9,932	7,602
<b>Jumlah aset perniagaan insurans hayat</b>		<u>1,164,751</u>	<u>941,375</u>
<b>LIABILITI</b>			
Peruntukan bagi tuntutan belum dibayar	8	28,570	25,647
Pemiutang	9	67,368	47,873
Peruntukan cukai		1,087	1,350
Liabiliti cukai tertunda	11	249	249
Liabiliti perniagaan berkaitan pelaburan	25	81	73
<b>Jumlah liabiliti perniagaan insurans hayat</b>		97,355	75,192
Amaun terhutang kepada dana pemegang saham	7	58,113	47,556
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<u>155,468</u>	<u>122,748</u>
<b>RIZAB INSURANS</b>			
Dana pemegang polisi insurans hayat	13	999,432	811,098
Dana pemegang unit berkaitan pelaburan	25	9,851	7,529
<b>Jumlah rizab insurans</b>		<u>1,009,283</u>	<u>818,627</u>
<b>Jumlah liabiliti perniagaan insurans hayat dan rizab insurans</b>		<u>1,164,751</u>	<u>941,375</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**AmAssurance Berhad**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**AKAUN HASIL DANA INSURANS HAYAT**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006**

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
Hasil operasi	16	400,054	356,502
Premium kasar		340,890	312,096
Insurans semula		(28,221)	(25,107)
Premium bersih		312,669	286,989
Manfaat dibayar dan harus dibayar:			
Kematian		(24,530)	(19,595)
Kematangan		(8,516)	(7,153)
Serahan		(26,537)	(20,509)
Bonus tunai		(705)	(1,015)
Lain-lain		(9,619)	(9,509)
		(69,907)	(57,781)
		242,762	229,208
Komisen dan perbelanjaan agensi		(67,635)	(58,302)
Perbelanjaan pengurusan	19	(38,529)	(34,237)
		(106,164)	(92,539)
		136,598	136,669
Pendapatan pelaburan	17	59,164	44,406
(Perbelanjaan)/pendapatan lain bersih	18	(2,901)	4,563
Lebih sebelum cukai		192,861	185,638
Cukai	20	(4,527)	(3,945)
Lebih selepas cukai		188,334	181,693
Dana pemegang polisi insurans hayat pada awal tahun		811,098	631,405
		999,432	813,098
Pindahan ke penyata pendapatan		-	(2,000)
Dana pemegang polisi insurans hayat pada akhir tahun		999,432	811,098

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**AmAssurance Berhad**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006**

	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN</b>		
Keuntungan sebelum cukai	55,571	32,328
Pelarasan untuk:		
Lebihan daripada pengunderaitan dana insurans hayat	192,861	185,638
Lebihan dalam nilai pelaburan berkaitan	2,322	3,000
Peningkatan rizab premium belum terperoleh	8,775	39,345
Pindahan ke penyata pendapatan daripada dana insurans hayat	-	(2,000)
Susutnilai hartanah, loji, dan peralatan	3,905	4,336
Pertambahan diskaun-bersih	(4,044)	(1,917)
Perbelanjaan faedah	7	13
Pendapatan faedah	(64,171)	(47,856)
Kerugian/(keuntungan) bersih pelaburan (Masuk kira semula)/peruntukan rosotnilai pelaburan	8,484	(7,644)
	(2,000)	3,143
Masuk kira semula peruntukan hutang ragu	(872)	(255)
Pendapatan sewa	(4,400)	(2,222)
Pendapatan dividen	(13,095)	(8,437)
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira (Keuntungan)/kerugian dari jualan hartanah, loji dan peralatan	2	-
	(13)	376
(Masuk kira semula)/peruntukan untuk faedah persaraan	(58)	55
Keuntungan kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	183,274	197,903
Pembelian pelaburan	(670,881)	(547,174)
Perolehan dari jualan pelaburan	431,070	250,389
Tambahan dalam pelaburan hartanah (Tambahan)/kurangan dalam aset:	(55,762)	(34,751)
Pinjaman	(8,717)	(8,473)
Amaun terhutang dari agen/broker, ko-insurans dan penginsurans/penerima sid	4,677	(4,058)
Hutang, deposit dan prabayar lain lain	(11,449)	2,901
Amaun terhutang daripada syarikat berkaitan	(7)	(22)
Deposit tetap dan panggilan	33,964	56,261
	<u>(93,831)</u>	<u>(87,024)</u>

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)**

	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Peningkatan/(pengurangan) dalam liabiliti:		
Peruntukan bagi tuntutan belum dibayar	25,413	42,095
Amaun terhutang kepada agen/broker, ko-insurans, pihak diinsuranskan dan penginsurans/penerima sid	5,499	(456)
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan lain	1,645	258
Pemiutang lain dan perbelanjaan terakru	17,414	9,275
Tunai digunakan dalam operasi	<u>(43,860)</u>	<u>(35,852)</u>
Faedah diterima	61,315	45,411
Sewa diterima	4,875	1,826
Dividen diterima	9,801	6,340
Faedah persaraan dibayar	(7)	(71)
Faedah dibayar	(7)	(13)
Cukai dibayar	<u>(13,316)</u>	<u>(10,022)</u>
Tunai bersih dijana dari aktiviti-aktiviti operasi	<u>18,801</u>	<u>7,619</u>

**ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM**  
**AKTIVITI PELABURAN**

Perolehan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	27	221
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	<u>(13,524)</u>	<u>(7,641)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(13,497)</u>	<u>(7,420)</u>

**ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM**  
**AKTIVITI PEMBIAYAAN**

Pembayaran semula pembiayaan pajakan	(179)	(242)
Dividen dibayar	<u>(7,200)</u>	<u>(7,200)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(7,379)</u>	<u>(7,442)</u>

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)**

	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>PENGURANGAN BERSIH DALAM</b>		
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	(2,075)	(7,243)
<b>PADA AWAL TAHUN</b>	16,119	23,362
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<u>14,044</u>	<u>16,119</u>
<b>PADA AKHIR TAHUN</b>	<u>14,044</u>	<u>16,119</u>

**Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:**

Tunai dan baki di bank:

Perniagaan am	4,830	6,822
Dana insurans hayat	9,212	9,291
Dana pelaburan berkaitan	2	6
	<u>14,044</u>	<u>16,119</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**AmAssurance Berhad**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 MAC 2006**

**1. MAKLUMAT KORPORAT**

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans hayat dan insurans pelaburan berkaitan dan semua kelas perniagaan insurans am.

Kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Premis perniagaan utama Syarikat terletak di Tingkat 9, Bangunan AmAssurance, No. 1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.

Syarikat induk muktamad bagi Syarikat ialah AMMB Holdings Berhad, sebuah syarikat liabiliti terhad yang diperbadankan di Malaysia.

Bilangan kakitangan dalam Syarikat pada 31 Mac 2006 ialah 827 (2005 : 821).

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 30 Mei 2006.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas Persediaan**

Penyata-penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali jika dinyatakan sebaliknya dan mematuhi Piawai Perakaunan MASB yang berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Aset dan liabiliti perniagaan merujuk kepada kedua-dua Dana Insurans Am dan Dana Pemegang Saham.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

### (b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Polisi berkaitan pengiktirafan dan penilaian bagi kerugian rosotnilai adalah berdasarkan Nota 2(f).

Susutnilai hartanah, loji, dan peralatan diperuntukkan berasaskan kaedah garis lurus bagi melupuskan kos setiap aset di sepanjang anggaran penggunaannya mengikut kadar susunilai utama seperti berikut:

Bangunan pegangan bebas	2%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan komputer	15% - 20%
Perabot, kelengkapan dan pengubahsuaian	10% - 20%

Peralatan komputer dalam pemasangan tidak disusutnilaikan dan dinyatakan pada kos, sehingga aset-aset ini lengkap dan sedia untuk penggunaan aktif.

Semasa penjualan hartanah, loji dan peralatan, perbezaan di antara nilai bersih jualan dan nilai bawaannya diambilkira dalam penyata pendapatan/akaun pendapatan hasil.

### (c) Syarikat subsidiari

Sebuah syarikat subsidiari ialah sebuah syarikat di mana Syarikat mempunyai kuasa untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi agar memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai, jika ada. Polisi berkaitan pengiktirafan dan penilaian bagi kerugian rosotnilai adalah berdasarkan Nota 2(f).

### (d) Pelaburan

- (i) Sekuriti Kerajaan Malaysia dan lain-lain pelaburan yang diluluskan mengikut spesifikasi BNM dinyatakan pada kos dan dilaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira berdasarkan kaedah hasil malar, dari tahun pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diambil kira dalam penyata pendapatan/akaun hasil.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

### (d) Pelaburan (bersambung)

- (ii) Bon korporat yang terjamin atau yang mempunyai penilaian minima "BBB" atau "P3" dinyatakan pada kos dilaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira berdasarkan kaedah hasil malar daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang bon dengan penarafan yang lebih rendah dinyatakan pada nilai kos atau pasaran, yang mana lebih rendah. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diambil kira dalam penyata pendapatan/akaun hasil.
- (iii) Pelaburan disebut harga dinyatakan pada harga yang lebih rendah di antara kos dan nilai pasaran, dikira mengikut agregat berdasarkan kategori pelaburan, kecuali jika rosot nilai sesuatu pelaburan tidak dianggap sementara mengikut kehendak BNM, peruntukan rosot nilai akan dibuat ke atas nilai pelaburan tersebut.
- (iv) Pelaburan untuk perniagaan pelaburan berkaitan dinyatakan pada harga tutup pasaran pada tarikh lembaran imbalan. Sebarang kenaikan atau penurunan pada nilai pelaburan belum direalisasikan diiktiraf dalam penyata pendapatan perniagaan pelaburan berkaitan.
- (v) Pelaburan tidak disebut harga dan pelaburan-pelaburan lain dinyatakan pada kos selepas ditolak peruntukan kerugian rosot nilai. Polisi bagi pengiktirafan dan penilaian rosot nilai adalah dinyatakan dalam Nota 2(f)

### (e) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan termasuk perbelanjaan berkaitan. Pelaburan hartanah tidak disusut nilai. Nilai bawaan pelaburan hartanah dikurangkan untuk mengambil kira kerugian rosot nilai, jika ada. Polisi berkaitan pengiktirafan dan penilaian bagi kerugian rosot nilai adalah berdasarkan Nota 2(f).

Semasa penjualan pelaburan hartanah, perbezaan di antara nilai bersih penerimaan dan nilai bawaannya diambil kira dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

### (f) Rosot nilai Aset

Nilai bawaan aset-aset dikaji untuk menentukan samada terdapat apa-apa petunjuk kerugian rosot nilai. Rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan amaun boleh pulih mereka. Amaun boleh pulih adalah amaun yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai penggunaan, yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan terdiskaun.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)**

### **(f) Rosotnilai Aset (bersambung)**

Kerugian rosotnilai dicaj serta-merta ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil. Kenaikan semula amaun boleh pulih diambil kira sebagai pengembalian kerugian rosotnilai yang telah diambil kira sehingga nilai bawaan aset yang ditentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) jika tiada rosotnilai diambil kira. Pembalikan ini diambil kira serta-merta ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

### **(g) Pendapatan Faedah dan Pendapatan Lain**

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan akrual kecuali faedah atas pinjaman yang dikenalpasti sebagai tidak berbayar, iaitu pembayaran balik tertangguh melebihi enam bulan, yang mana, pengambilkiraan faedah dihentikan. Setelah itu, faedah akan diambil kira pada dasar penerimaan sehingga kesemua hutang tertangguh telah dibayar.

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan dikreditkan atau dicajkan ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

### **(h) Pendapatan sewa**

Pendapatan sewa diambil kira berasaskan akrual kecuali apabila terdapat sewa yang tidak berbayar mengikut perjanjian dan melebihi tempoh enam bulan, yang mana pengambilkiraan pendapatan sewa dihentikan. Setelah itu, pendapatan sewa akan diambil kira berdasarkan penerimaan sehingga kesemua hutang tertangguh telah dibayar.

### **(i) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen merupakan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan pelaburan tidak disebut harga dan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

### **(j) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am**

Keputusan pengunderaitan insurans am, selain daripada perniagaan triti insurans diterima, ditentukan untuk setiap kelas perniagaan, setelah mengambil kira insurans semula, rizab premium tidak terperoleh, komisen bersih, tuntutan kena dibayar dan rizab-rizab tambahan yang lain.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

### (j) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am (bersambung)

#### (i) Pendapatan premium

Premium diambilkira dalam suatu tempoh kewangan bagi risiko yang ditanggung dalam tempoh kewangan berkenaan. Premium triti insurans semula yang diterima diiktiraf berasaskan makluman berkala yang diterima daripada syarikat pengesid insurans.

#### (ii) Rizab Premium Tidak Terperoleh

Rizab premium tidak terperoleh (“UPR”) merupakan bahagian premium bersih polisi polisi insurans yang berhubung dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah yang paling tepat menggambarkan premium tidak terperoleh sebenar adalah digunakan seperti berikut:

- kaedah 25% untuk Kargo Marin, Kargo Udara dan Perniagaan Transit;
- kaedah 1/24 untuk semua kelas lain bagi polisi Malaysia dengan kadar potongan untuk komisen kena bayar sebenar dan perbelanjaan berkaitan agensi tanpa melebihi had yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

Motor	10%
Kebakaran, Kejuruteraan, Udara dan Kapal Marin	15%
Perubatan	
- Individu persendirian	15%
-3 sekumpulan dan ke atas	10%
Gantirugi kakitangan dan liabiliti majikan	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Kelas-kelas lain	10% - 25%

- kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan triti insurans semula asing diterima, dengan potongan sebanyak 20% untuk komisen.
- polisi-polisi bukan tahunan diperuntukkan sepanjang masa tempoh risiko.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)**

### **(j) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am (bersambung)**

#### **(iii) Kos Perolehan**

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans, ditolak pendapatan yang diterima daripada mengesid premium insurans semula diiktiraf apabila ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh masa dalam mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

#### **(iv) Peruntukan untuk Tuntutan**

Liabiliti untuk tuntutan belum dibayar diiktiraf bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula diterima. Jumlah tuntutan belum dibayar adalah anggaran terbaik untuk perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan perbelanjaan berkaitan ditolak perolehan pemulihan dari insurans semula untuk tuntutan yang diberi notis tetapi belum diselesaikan pada tarikh lembaran imbangan berdasarkan setiap kes.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan yang berkemungkinan serta perbelanjaan berkaitan yang bertanggung tetapi belum dilaporkan ("IBNR") pada tarikh lembaran imbangan, berdasarkan kepada penilaian aktuari oleh seorang aktuari berkelayakan bebas, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik.

### **(k) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat**

Lebih yang boleh dipindahkan dari Dana Insurans Hayat ke penyata pendapatan adalah berdasarkan kepada lebih yang ditentukan oleh penilaian tahunan aktuari ke atas liabiliti jangka panjang pemegang polisi, mengikut peruntukan Akta Insurans 1996, oleh aktuari berkelayakan yang dilantik oleh Syarikat. Sebarang deficit daripada anggaran aktuarial boleh dipulihkan daripada dana pemegang saham.

#### **(i) Pendapatan premium**

Premium diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh diukur dengan pasti. Premium pertama diiktiraf berdasarkan tarikh permulaan dan premium susulan diiktiraf pada tarikh pembayaran di kena bayar. Premium tertunggak pada tarikh lembaran imbangan diiktiraf sebagai pendapatan bagi tahun itu jika ia masih di dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan untuk pembayaran.

#### **(ii) Komisen dan Perbelanjaan Agensi**

Komisen dan perbelanjaan agensi, iaitu kos langsung yang dibelanjakan untuk memperolehi premium ke atas polisi insurans selepas ditolak pendapatan daripada penanggung insurans semula apabila menyerahkan premium kepada penanggung insurans semula, dicaj ke akaun hasil dalam tempoh di mana ianya dibelanjakan.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)**

### **(k) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat (bersambung)**

#### **(iii) Peruntukan untuk tuntutan**

Kos tuntutan dan penyelesaian diiktiraf dalam tempoh kewangan apabila suatu kejadian yang boleh dituntut berlaku dan/atau jika penginsurans diberi notis.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan atas polisi insurans hayat termasuk kos penyelesaian, dikira berdasarkan setiap kes dan untuk tujuan ini, manfaat boleh dibayar untuk polisi insurans hayat diiktiraf seperti berikut:

- (i) kematangan atau lain-lain manfaat polisi di mana bayaran perlu dibuat pada tarikh-tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan berbayar pada tarikh-tarikh tersebut; dan
- (ii) kematian, serahan dan manfaat lain tanpa tarikh pembayaran tetap dianggap sebagai tuntutan berbayar pada tarikh pemberitahuan kematian pihak diinsuranskan atau pada tarikh kejadian perkara luar jangka yang dilindungi.

#### **(l) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian untuk sesuatu tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar dari keuntungan boleh cukai untuk tahun tersebut dan dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, untuk perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbalan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan ke satu tahap di mana kemungkinan keuntungan boleh dicukai, boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)**

### **(l) Cukai Pendapatan (bersambung)**

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dianggarkan akan digunakan di dalam tempoh di mana aset itu direalisasi atau liabiliti itu dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dimaktubkan atau termaktub sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda akan dicaj atau dikredit secara langsung di dalam ekuiti.

### **(m) Urusniaga Matawang Asing**

Urusniaga dalam matawang asing telah ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusanniaga. Pada tarikh lembaran imbangan, aset dan liabiliti matawang asing yang bersifat monetari telah diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran bukan monetari yang dinyatakan dalam matawang asing pada kos sejarah telah ditukar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh perolehan dan butiran bukan monetari yang dinyatakan dalam matawang asing pada nilai saksama telah ditukar pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh nilai tersebut ditentukan. Segala perbezaan pertukaran matawang diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

Kadar pertukaran utama untuk setiap dollar Amerika Syarikat berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan ialah RM3.68 (2005: RM 3.80).

### **(n) Manfaat Pekerja**

#### **(i) Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji dan perbelanjaan berkaitan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh pekerja-pekerja Syarikat. Pampasan terkumpul ke atas ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pekerja menambahkan hak ke atas baki berbayar ketidakhadiran masa hadapan mereka. Pampasan tidak terkumpul ke atas ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)**

### **(n) Manfaat Pekerja (bersambung)**

#### **(ii) Pelan Caruman Tetap**

Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku.

### **(o) Aset Diperoleh Di bawah Pengaturan Pembiayaan Pajak Kewangan**

Aset yang diperoleh di bawah pengaturan pembiayaan pajakan kewangan dicatat pada amaun yang sama dengan nilai terendah antara nilai saksama dan nilai semasa bagi pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti berkenaan dimasukkan di dalam lembaran imbangan sebagai pajakan kewangan terhutang. Dalam mengira nilai semasa bagi payaran pajakan minima, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah nyata, yang boleh ditentukan dan jika tidak, kadar peningkatan pinjaman digunakan.

Pembayaran pajakan dibahagikan di antara kos kewangan dan pengurangan pada liabiliti belum bayar. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama aset yang diperoleh, direkod sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan yang berkaitan supaya dapat menghasilkan kadar caj berkala yang konsisten terhadap baki tanggungan pada setiap tempoh perakaunan.

### **(p) Tunai dan kesetaraan tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai dan baki di bank, kecuali deposit tetap dan panggilan.

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

## **2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)**

### **(q) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaran imbangan apabila Syarikat terlibat di dalam peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan kepada perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan yang dinyatakan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai ekuiti dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diofset apabila Syarikat mempunyai hak yang sah dari segi undang-undang untuk melakukan demikian dan berhasrat untuk menyelesaikannya samada secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut pada masa yang sama.

Pendedahan maklumat bagi aset dan liabiliti kewangan berkaitan dengan hak and obligasi yang timbul daripada perjanjian insurans tidak termasuk dalam skop piawaian laporan kewangan - Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan.

#### **(i) Penghutang**

Penghutang dinyatakan pada nilai boleh diperolehi bersih. Hutang lapuk dilupuskan apabila ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semua jumlah tertunggak pada akhir tahun.

Peruntukan khusus dibuat bagi premium, termasuk dari ejen, broker atau penanggung insurans semula yang masih berhutang bagi tempoh tiga puluh hari untuk perniagaan motor dan enam bulan untuk lain perniagaan, dari tarikh ianya akan diterima.

#### **(ii) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang perlu dibayar untuk barangan dan servis yang telah diterima.

#### **(iii) Instrumen Ekuiti**

Modal saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen untuk modal saham biasa diambilkira di dalam penyata perubahan dalam ekuiti pada tahun kewangan ia diisytiharkan.



### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

#### Perniagaan am dan dana pemegang saham

2006

	Bangunan pegangan bebas RM'000	Kenderaan motor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Perabot kelengkapan dan pengubahsuaian RM'000	Peralatan komputer di bawah pemasangan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>						
Pada awal tahun	9,794	694	23,275	5,910	15	39,688
Tambahan	-	97	1,164	264	9,714	11,239
Pelupusan	-	(39)	-	-	-	(39)
Hapus kira	-	-	(78)	(238)	-	(316)
Pindahan	-	-	15	-	(15)	-
Pada akhir tahun	9,794	752	24,376	5,936	9,714	50,572

#### Susut nilai

##### Terkumpul

Pada awal tahun	2,056	497	17,410	3,734	-	23,697
Caj bagi tahun	196	134	1,795	605	-	2,730
Pelupusan	-	(39)	-	-	-	(39)
Hapus kira	-	-	(78)	(237)	-	(315)
Pada akhir tahun	2,252	592	19,127	4,102	-	26,073

#### Nilai Buku Bersih

Pada awal tahun	7,738	197	5,865	2,176	15	15,991
Pada akhir tahun	7,542	160	5,249	1,834	9,714	24,499

#### Butiran pada 1 April 2004

Kos	9,794	1,126	19,861	5,173	506	36,460
Susut nilai Terkumpul	1,860	754	16,051	3,253	-	21,918

#### Caj susut nilai untuk 2005

	196	139	1,624	538	-	2,497
--	-----	-----	-------	-----	---	-------

Pada tahun kewangan lepas, kos dan nilai buku bersih peralatan pejabat dan komputer dalam perniagaan am dan dana pemegang saham yang dibeli di bawah pengaturannya pembiayaan pajakan kewangan berjumlah RM1,326,000 dan RM1 masing-masing.

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

#### Dana Insurans Hayat

2006

	Kenderaan motor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Perabot kelengkapan dan pengubahsuaian RM'000	Peralatan komputer di bawah pemasangan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>					
Pada awal tahun	267	11,319	7,461	420	19,467
Tambahan	-	643	1,203	441	2,287
Pelupusan	-	(22)	-	-	(22)
Hapus kira	-	(152)	(773)	-	(925)
Pada akhir tahun	267	11,788	7,891	861	20,807
<b>Susut nilai</b>					
<b>Terkumpul</b>					
Pada awal tahun	160	10,004	4,915	-	15,079
Caj bagi tahun	53	390	732	-	1,175
Pelupusan	-	(8)	-	-	(8)
Hapus kira	-	(151)	(773)	-	(924)
Pada akhir tahun	213	10,235	4,874	-	15,322
<b>Nilai Buku Bersih</b>					
Pada awal tahun	107	1,315	2,546	420	4,388
Pada akhir tahun	54	1,553	3,017	861	5,485
<b>Butiran pada 1 April 2004</b>					
Kos	425	10,805	5,589	-	16,819
Susut nilai terkumpul	265	9,177	4,246	-	13,688
<b>Caj susut nilai</b>					
<b>untuk 2005</b>	53	1,116	670	-	1,839

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Syarikat adalah aset yang disusutkan nilai sepenuhnya dan masih dalam guna, adalah seperti berikut:

	Perniagaan am dan dana pemegang saham		Dana insurans hayat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Kenderaan motor	281	88	-	-
Peralatan pejabat dan komputer	16,325	14,972	9,529	9,189
Perabot kelengkapan dan pengubahsuaian	2,519	1,958	3,073	3,615
	<u>19,125</u>	<u>17,018</u>	<u>12,602</u>	<u>12,804</u>

#### 4. SYARIKAT SUBSIDIARI

##### Perniagaan am dan dana pemegang saham

	2006 RM'000	2005 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	6,000	6,000

##### Butiran syarikat subsidiari

	Negara Diperbadankan	Modal Saham dibayar RM'000	Kepentingan Berkesan Ekuiti		Kegiatan Utama
			2006 %	2005 %	
Arab-Malaysian Services Bhd.	Malaysia	6,000	100	100	Tak aktif

Penyata-penyata kewangan syarikat subsidiari tidak disatukan kerana amaun yang terlibat adalah tidak penting tetapi penyata-penyata kewangan tersebut dilampirkan bersama seperti yang diperlukan oleh Jadual Kesembilan dalam Akta Syarikat, 1965.

Amoun terhutang kepada syarikat subsidiari terdiri daripada pendahuluan bukan perdagangan yang tidak bercagar, bebas dari faedah dan tidak mempunyai syarat pembayaran semula yang tetap.

#### 5. PELABURAN

##### Perniagaan am dan dana pemegang saham

	2006		2005	
	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	43,068		53,094	
Pelunasan premium bersih ditolak pertambahan diskaun	(1,495)		(961)	
	41,573	41,385	52,133	52,175

**5. PELABURAN (BERSAMBUNG)****Perniagaan am dan dana pemegang saham (bersambung)**

	2006		2005	
	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000
Terbitan Pelaburan Kerajaan	8,671		18,683	
Pertambahan diskaun	750		496	
	<u>9,421</u>	<u>9,317</u>	<u>19,179</u>	<u>19,179</u>
Bon Cagamas	25,005		25,005	
Pelunasan premium bersih ditolak pertambahan diskaun	(5)		(2)	
	<u>25,000</u>	<u>24,862</u>	<u>25,003</u>	<u>25,003</u>
Saham syarikat disebutharga di Malaysia	48,368		64,940	
Peruntukan rosotnilai	(146)		(2,541)	
	<u>48,222</u>	<u>51,593</u>	<u>62,399</u>	<u>62,399</u>
REITS disebutharga	3,342	3,920	-	-
Unit amanah saham	25,025		20,006	
Peruntukan rosotnilai	(1,047)		(521)	
	<u>23,978</u>	<u>24,900</u>	<u>19,485</u>	<u>20,202</u>
Saham syarikat tidak disebutharga di Malaysia	44		44	
Peruntukan rosotnilai	(44)		(44)	
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Bon korporat disebutharga	598	586	2,500	2,550

**5. PELABURAN (BERSAMBUNG)****Perniagaan am dan dana pemegang saham (bersambung)**

	2006		2005	
	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000
Sijil Deposit				
Boleh Niaga	82,308		30,953	
Pelunasan premium bersih ditolak pertambahan diskaun	(348)		(216)	
	<u>81,960</u>	<u>82,488</u>	<u>30,737</u>	<u>24,722</u>
Bon korporat tidak disebut harga	277,650		197,807	
Pertambahan diskaun bersih ditolak pelunasan premium	2,609		2,505	
	<u>280,259</u>	<u>285,912</u>	<u>200,312</u>	<u>210,857</u>
Dana berkaitan pelaburan	<u>4,000</u>		<u>4,000</u>	
Deposit tetap dan panggilan dengan:				
Bank-bank berlesen	405		6,911	
Syarikat-syarikat kewangan berlesen	-		2,234	
Badan korporat lain	24,469		57,525	
	<u>24,874</u>		<u>66,670</u>	
Jumlah pelaburan	<u>543,227</u>		<u>482,418</u>	

Termasuk dalam deposit tetap dan panggilan ialah RM17,485,000 (2005: RM49,142,000) yang diletakkan dengan syarikat berkaitan lain dengan kadar faedah antara 2.0% hingga 3.2% setahun (2005: 2.5% hingga 3% setahun).

**5. PELABURAN (BERSAMBUNG)****Dana insurans hayat**

	2006		2005	
	Kos	Nilai	Kos	Nilai
	RM'000	Pasaran RM'000	RM'000	Pasaran RM'000
Pelaburan hartanah:				
Tanah milik bebas dan bangunan	87,028		31,266	
Tanah pegangan pajak dan bangunan	21,107		21,107	
	<u>108,135</u>		<u>52,373</u>	
Sekuriti Kerajaan				
Malaysia	76,267		91,165	
Pelunasan premium bersih ditolak pertambahan diskaun	(2,119)		(1,333)	
	<u>74,148</u>	<u>74,459</u>	<u>89,832</u>	<u>90,367</u>
Terbitan Pelaburan Kerajaan	5,008		5,008	
Pelunasan premium bersih ditolak pertambahan diskaun	(1)		-	
	<u>5,007</u>	<u>5,137</u>	<u>5,008</u>	<u>5,008</u>
Bon cagamas	5,000	4,961	5,000	5,000
Saham syarikat disebutarga di Malaysia	85,893	88,832	102,356	102,897
REITS disebutarga	5,389	6,305	-	-
Unit amanah saham	22,579		22,079	
Peruntukan rosotnilai	(445)		(169)	
	<u>22,134</u>	<u>22,829</u>	<u>21,910</u>	<u>22,778</u>
Saham syarikat tidak disebutarga di Malaysia	2,147		2,147	
Peruntukan rosotnilai	(52)		(22)	
	<u>2,095</u>		<u>2,125</u>	

**5. PELABURAN (BERSAMBUNG)****Dana insurans hayat (Sambungan)**

	2006		2005	
	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000
Sijil Deposit				
Boleh Niaga	41,590		17,101	
Pelunasan premium bersih ditolak pertambahan diskaun	(89)		(1)	
	<u>41,501</u>	<u>42,198</u>	<u>17,100</u>	<u>14,322</u>
Bon korporat tidak disebutharga	484,826		350,468	
Pertambahan diskaun bersih ditolak pelunasan premium	5,056		3,538	
	<u>489,882</u>	<u>504,229</u>	<u>354,006</u>	<u>376,241</u>
Bon korporat disebutharga di Malaysia	5,000	4,900	5,000	5,100
Depositi tetap dan panggilan dengan:				
Bank-bank berlesen	123,339		17,066	
Syarikat-syarikat kewangan berlesen	-		101,237	
Badan korporat lain	55,413		53,940	
	<u>178,752</u>		<u>172,243</u>	
Jumlah pelaburan	<u>1,022,936</u>		<u>826,953</u>	

Termasuk dalam deposit tetap dan panggilan ialah RM132,051,000 (2005: RM146,682,000) yang diletakkan dengan syarikat berkaitan lain dengan kadar faedah antara 2.4% hingga 7% setahun (2005: 2.5% hingga 7% setahun).

Termasuk dalam pelaburan hartanah dana hayat ialah hartanah dengan nilai buku bersih berjumlah RM79,772,000 (2005: RM34,751,000), di mana surat hak milik masih dalam proses dipindahkan ke Syarikat.

**6. PINJAMAN**

	Perniagaan am dan dana pemegang saham		Dana insurans hayat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pinjaman polisi	-	-	68,353	59,459
Pinjaman pajakan	-	-	9,616	9,392
Peruntukan untuk hutang ragu	-	-	(411)	(411)
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>9,205</u>	<u>8,981</u>
Pinjaman jaminan lain	801	1,140	546	606
Peruntukan untuk hutang ragu	(38)	(12)	(140)	(100)
	<u>763</u>	<u>1,128</u>	<u>406</u>	<u>506</u>
	<u>763</u>	<u>1,128</u>	<u>77,964</u>	<u>68,946</u>
Hutang				
- dalam masa 12 bulan	174	283	890	1,133
- selepas 12 bulan	589	845	77,074	67,813
	<u>763</u>	<u>1,128</u>	<u>77,964</u>	<u>68,946</u>

**7. PENGHUTANG**

	Perniagaan am dan dana pemegang saham		Dana insurans hayat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Penghutang dagangan</b>				
Premium tertunggak termasuk baki penghutang agen, broker dan penanggung ko-insurans	31,615	39,841	14,984	9,357
Peruntukan untuk hutang ragu	(8,096)	(8,506)	(440)	(294)
	<u>23,519</u>	<u>31,335</u>	<u>14,544</u>	<u>9,063</u>
Amaun terhutang oleh reinsurans/penerima sid	4,142	4,553	3,376	5,043
Peruntukan untuk hutang ragu	(2,310)	(2,984)	(852)	(852)
	<u>1,832</u>	<u>1,569</u>	<u>2,524</u>	<u>4,191</u>
	<u>25,351</u>	<u>32,904</u>	<u>17,068</u>	<u>13,254</u>



**7. PENGHUTANG (BERSAMBUNG)**

	<b>Perniagaan am dan dana pemegang saham</b>		<b>Dana insurans hayat</b>	
	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>
<b>Lain-lain penghutang</b>				
Lain-lain penghutang, deposit dan prabayar	4,504	4,601	9,205	2,440
Peruntukan untuk hutang ragu	(450)	(450)	-	-
	<u>4,054</u>	<u>4,151</u>	<u>9,205</u>	<u>2,440</u>
Cukai boleh pulih	2,343	3,013	-	-
Bon Institut Insurans Malaysia Insurance ("MII")	200	200	-	-
Pendapatan tertunggak dan terakru	5,273	3,762	9,870	8,464
Amaun terhutang oleh syarikat berkaitan lain	1,639	26	3,079	37
	<u>13,509</u>	<u>11,152</u>	<u>22,154</u>	<u>10,941</u>
	<u>38,860</u>	<u>44,056</u>	<u>39,222</u>	<u>24,195</u>
Amaun terhutang oleh dana hayat	58,113	47,556		
	<u>96,973</u>	<u>91,612</u>		

Dalam lembaran imbangan komposit pada muka surat 19, amaun terhutang dari dana insurans hayat yang berjumlah RM58,113,000 (2005: RM47,556,000) telah diofset dengan amaun terhutang kepada dana pemegang saham dalam lembaran imbangan dana insurans hayat pada muka surat 24.

Termasuk dalam amaun terhutang oleh reinsurans/penerima sid dalam perniagaan am pada 31 Mac 2006 ialah baki berjumlah RM3,868,000 (2005: RM3,347,000), di mana penyata-penyata daripada pihak ketiga belum diterima .

Dalam perkara-perkara di mana penyata-penyata daripada pihak ketiga belum diterima, Syarikat membuat permintaan khusus kepada pihak-pihak berkenaan untuk memberikan penyata-penyata tersebut agar membantu dalam proses penyesuaian. Di mana penyata-penyata akaun diterima, perbezaan yang belum disatukan tidak melebihi 2% daripada baki kasar tertunggak dalam kategori aset masing-masing.

**8. PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN BELUM DIBAYAR**

	<b>Perniagaan am dan dana pemegang saham</b>		<b>Dana insurans hayat</b>	
	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>
Peruntukan tuntutan belum dibayar	302,537	308,940	30,433	27,510
Perolehan boleh pulih daripada penginsurans semula	(74,633)	(103,527)	(1,863)	(1,863)
Tuntutan bersih belum dibayar	<u>227,904</u>	<u>205,413</u>	<u>28,570</u>	<u>25,647</u>

**9. PEMIUTANG**

	<b>Perniagaan am dan dana pemegang saham</b>		<b>Dana insurans hayat</b>	
	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>
<b>Pemiutang dagangan</b>				
Amaun terhutang kepada agen/ broker, ko-insurans dan pihak diinsuranskan	9,286	12,724	6,668	4,405
Amaun terhutang kepada penginsurans semula/penerima sid	22,148	17,095	8,037	6,416
	<u>31,434</u>	<u>29,819</u>	<u>14,705</u>	<u>10,821</u>
<b>Pemiutang lain-lain</b>				
Pembiayaan pajakan terhutang	-	179	-	-
Pemiutang lain-lain dan perbelanjaan terakru	21,619	15,410	49,727	35,821
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan lain	32	91	2,936	1,231
	<u>21,651</u>	<u>15,680</u>	<u>52,663</u>	<u>37,052</u>
	<u>53,085</u>	<u>45,499</u>	<u>67,368</u>	<u>47,873</u>

## 9. PEMIUTANG (BERSAMBUNG)

Termasuk dalam amaun terhutang oleh penanggung insurans semula/penerima sid dalam perniagaan am pada 31 Mac 2006 ialah baki berjumlah RM2,244,000 (2005: RM4,060,000) di mana penyata-penyata daripada pihak ketiga belum diterima.

Dalam perkara-perkara di mana penyata-penyata daripada pihak ketiga belum diterima, Syarikat membuat permintaan khusus kepada pihak-pihak berkenaan untuk memberikan penyata-penyata tersebut agar membantu dalam proses penyesuaian. Di mana penyata-penyata akaun diterima, perbezaan yang belum disesuaikan tidak melebihi 2% daripada baki kasar tertunggak dalam kategori aset masing-masing.

Pembiayaan pajakan terhutang bagi perniagaan am terdiri daripada berikut:

	<b>Perniagaan am dan dana pemegang-pemegang saham</b>			
	<b>Pembayaran pajakan minimum</b>		<b>Nilai semasa pembayaran pajakan minimum</b>	
	<b>2006</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Amaun terhutang di bawah pajakan kewangan:				
Dalam tempoh setahun	-	186	-	179
Tolak: Caj kewangan masa depan	-	(7)	-	-
Nilai semasa pajakan terhutang	-	179	-	179
Tolak: Amaun matang dalam tempoh 12 bulan			-	(179)
Bahagian jangka panjang			-	-

Kadar pinjaman efektif pada tahun lepas adalah 1% setahun.

Pembiayaan pajakan kewangan di atas telah dijelaskan semasa tahun kewangan.

**10. PINJAMAN BERJANGKA SUBORDINAT**

	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Perniagaan am dan dana pemegang-pemegang saham</b>		
Pinjaman berjangka subordinat	<u>30,000</u>	<u>30,000</u>

Pada tahun 1998, satu pinjaman berjangka subordinat berjumlah RM80 juta telah diperolehi daripada pemegang saham utama Syarikat iaitu AmMerchant Bank Berhad (AMMB), bagi tambahan kepada dana modal.

Terma kemudahan pinjaman tersebut adalah bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tarikh pertama pengeluaran pada Jun 1998. Kadar faedah yang dikenakan adalah 1% ditambah kos dana AMMB dan pembayaran semula amaun prinsipal perlu dijelaskan dalam satu bayaran penuh pada akhir tempoh. Faedah telah ditepikan bermula dari 1 Julai 2000.

Pemegang-pemegang saham Syarikat telah bersetuju untuk pohon beli terbitan hak saham untuk menukar atau menggantikan pinjaman dengan modal saham. Pelaksanaan terbitan hak saham untuk meningkatkan saham dibayar Syarikat kepada RM100 juta selesai pada 5 November 2001.

Dengan itu, RM50 juta daripada pinjaman tersebut telah dijelaskan oleh Syarikat dalam tahun 2002. BNM telah bersetuju dengan Syarikat untuk mengekalkan RM30 juta sebagai pinjaman berjangka subordinat berdasarkan kepada peningkatan dalam saham dibayar. Pinjaman berjangka subordinat ini tidak boleh dibayar balik tanpa mendapat kebenaran terdahulu daripada BNM.

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah mendapatkan kelulusan daripada BNM bagi melanjutkan tempoh pinjaman kepada dua tahun lagi, sehingga Jun 2007.

**11. LIABILITI CUKAI TERTUNDA**

	<b>Perniagaan am dan</b>		<b>Dana</b>	
	<b>dana pemegang saham</b>		<b>insurans hayat</b>	
	<b>2006</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pada awal tahun	(842)	(877)	(249)	(145)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil dana insurans hayat (Nota 20)	(684)	35	-	(104)
Pada akhir tahun	<u>(1,526)</u>	<u>(842)</u>	<u>(249)</u>	<u>(249)</u>

**11. LIABILITI CUKAI TERTUNDA (BERSAMBUNG)**

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset apabila terdapat hak kuasa perundangan bagi ofset aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda tersebut berkaitan dengan pihak berkuasa fiskal yang sama. Liabiliti cukai tertunda bersih dinyatakan dalam lembaran imbalan setelah ofset yang bersesuaian, seperti berikut:

	<b>Perniagaan am dan dana pemegang saham</b>		<b>Dana insurans hayat</b>	
	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>
Aset cukai tertunda	456	446	15	15
Liabiliti cukai tertunda	(1,982)	(1,288)	(264)	(264)
	<u>(1,526)</u>	<u>(842)</u>	<u>(249)</u>	<u>(249)</u>

Komponen dan perubahan aset dan liabiliti cukai tertunda sepanjang tahun kewangan sebelum ofset adalah seperti berikut:

**2006****Aset Cukai Tertunda****Perniagaan Am dan Dana Pemegang Saham**

	<b>Peruntukan untuk rosotnilai pelaburan RM'000</b>	<b>Lain-lain RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Pada 1 April 2005	330	116	446
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	89	(79)	10
Pada 31 Mac 2006	<u>419</u>	<u>37</u>	<u>456</u>

**Dana insurans hayat**

	<b>Peruntukan untuk rosotnilai pelaburan RM'000</b>
Pada 1 April 2005 dan 31 Mac 2006	<u>15</u>

**11. LIABILITI CUKAI TERTUNDA (BERSAMBUNG)****2005****Aset Cukai Tertunda****Perniagaan Am dan Dana Pemegang Saham**

	<b>Peruntukan untuk rosotnilai pelaburan RM'000</b>	<b>Lain-lain RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Pada 1 April 2004	134	-	134
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	196	116	312
Pada 31 Mac 2005	<u>330</u>	<u>116</u>	<u>446</u>

**Dana insurans hayat**

	<b>Peruntukan untuk rosotnilai pelaburan RM'000</b>
Pada 1 April 2004	10
Diiktiraf dalam Akaun Hasil Insurans Hayat	5
Pada 31 Mac 2005	<u>15</u>

**11. LIABILITI CUKAI TERTUNDA (BERSAMBUNG)****2006****Liabiliti Cukai Tertunda****Perniagaan Am dan Dana Pemegang Saham**

	<b>Elaun modal dicepatkan bagi hartanah, loji dan peralatan RM'000</b>
Pada 1 April 2005	(1,288)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(694)
Pada 31 Mac 2006	<u>(1,982)</u>

**Dana insurans hayat**

	<b>Elaun modal dicepatkan bagi hartanah, loji dan peralatan RM'000</b>	<b>Pertambahan diskaun bersih RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Pada 1 April 2005 dan 31 Mac 2006	<u>(88)</u>	<u>(176)</u>	<u>(264)</u>

**11. LIABILITI CUKAI TERTUNDA (BERSAMBUNG)****2005****Liabiliti Cukai Tertunda****Perniagaan Am dan Dana Pemegang Saham**

	<b>Elaun modal dicepatkan bagi hartanah, loji dan peralatan RM'000</b>	<b>Lain-lain RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Pada 1 April 2004	(842)	(169)	(1,011)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(446)	169	(277)
Pada 31 Mac 2005	<u>(1,288)</u>	<u>-</u>	<u>(1,288)</u>

**Dana insurans hayat**

	<b>Elaun modal dicepatkan bagi hartanah, loji dan peralatan RM'000</b>	<b>Pertambahan diskaun bersih RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Pada 1 April 2004	(95)	(60)	(155)
Diiktiraf dalam akaun Hasil Insurans Hayat	7	(116)	(109)
Pada 31 Mac 2005	<u>(88)</u>	<u>(176)</u>	<u>(264)</u>



**12. RIZAB PREMIUM TIDAK TERPEROLEH**

	<b>Kebakaran RM'000</b>	<b>Motor RM'000</b>	<b>Marin, udara dan pengangkutan RM'000</b>	<b>Lain-lain RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
<b>2006</b>					
Pada awal tahun	7,516	151,141	546	14,009	173,212
Penambahan dalam rizab premium tidak terperoleh	3,180	3,459	188	1,948	8,775
Pada akhir tahun	<u>10,696</u>	<u>154,600</u>	<u>734</u>	<u>15,957</u>	<u>181,987</u>
<b>2005</b>					
Pada awal tahun	6,668	112,757	829	13,613	133,867
Penambahan/(pengurangan) dalam rizab premium tidak terperoleh	848	38,384	(283)	396	39,345
Pada akhir tahun	<u>7,516</u>	<u>151,141</u>	<u>546</u>	<u>14,009</u>	<u>173,212</u>

**13. DANA PEMEGANG POLISI INSURANS HAYAT**

Berdasarkan penilaian aktuari dana insurans hayat yang disediakan sehingga 31 Mac 2006, aktuari terlantik berpuas hati bahawa aset yang terdapat dalam dana pemegang polisi insurans hayat adalah mencukupi untuk memenuhi liabiliti jangka panjang pemegang-pemegang polisi.

	<b>2006 RM'000</b>	<b>2005 RM'000</b>
<b>Liabiliti aktuari</b>		
Pada awal tahun	761,630	586,179
Tambah: Peningkatan dalam rizab polisi	206,641	188,739
Agihan bonus kepada pemegang polisi sertaan	10,610	9,970
Tolak: Bonus interim	(820)	(963)
Peningkatan dalam penginsurans semula	(29,578)	(22,295)
	<u>186,853</u>	<u>175,451</u>
Pada akhir tahun	<u>948,483</u>	<u>761,630</u>

**13. DANA PEMEGANG POLISI INSURANS HAYAT (BERSAMBUNG)**

	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Lebihan belum agih</b>		
Pada awal tahun	49,468	45,226
Tolak: Defisit sepanjang tahun	(17,487)	(6,083)
Agihan bonus kepada pemegang polisi sertaan	(10,610)	(9,970)
Pindah ke dana pemegang saham	-	(2,000)
Tambah: Peningkatan dalam penginsurans semula	29,578	22,295
	<u>1,481</u>	<u>4,242</u>
Pada akhir tahun	<u>50,949</u>	<u>49,468</u>
<b>Dana pemegang polisi insurans hayat pada akhir tahun:</b>		
Liabiliti aktuari	948,483	761,630
Lebihan yang tidak diagihkan	50,949	49,468
	<u>999,432</u>	<u>811,098</u>

**14. MODAL SAHAM**

	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Dibenarkan:</b>		
100,000,000 saham biasa RM1 setiap satu	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>
<b>Diterbitkan dan dibayar penuh:</b>		
100,000,000 saham biasa RM1 setiap satu	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>

**15. DIVIDEN**

	<b>Amaun</b>		<b>Dividen bersih sesaham</b>	
	<b>2006</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2005</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>Sen</b>	<b>Sen</b>
<b>Dividen interim dibayar</b>				
5% ditolak cukai 28% ke atas 100,000,000 saham biasa, diisytiharkan pada 20 October 2004 dan dibayar pada 26 October 2004	-	3,600	-	3.6
<b>Cadangan akhir</b>				
10% (2005: 10%) ditolak cukai 28% ke atas 100,000,000 saham biasa	7,200	7,200	7.2	7.2
	<u>7,200</u>	<u>10,800</u>	<u>7.2</u>	<u>10.8</u>

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, satu dividen akhir berhubung tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2006, ditolak cukai sebanyak 10% di atas 100,000,000 saham biasa sejumlah dividen RM7,200,000 (7.2 sen sesaham) akan diusulkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan untuk tahun kewangan ini tidak menunjukkan dividen usulan ini. Sekiranya memperolehi kelulusan daripada para pemegang saham, dividen tersebut akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengagihan dari keuntungan tertahan untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2007.

**16. HASIL OPERASI**

	<b>Dana</b>	<b>Perniagaan</b>	<b>Dana</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>pemegang</b>	<b>am</b>	<b>insurans</b>	<b></b>
	<b>saham</b>	<b></b>	<b>hayat</b>	<b></b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>2006</b>				
Premium kasar	-	438,219	340,890	779,109
Pendapatan pelaburan (Nota 17)	309	25,893	59,164	85,366
	<u>309</u>	<u>464,112</u>	<u>400,054</u>	<u>864,475</u>
<b>2005</b>				
Premium kasar	-	390,358	312,096	702,454
Pendapatan pelaburan (Nota 17)	267	20,354	44,406	65,027
	<u>267</u>	<u>410,712</u>	<u>356,502</u>	<u>767,481</u>

